



**SIARAN MEDIA**  
**PRESS RELEASE**

**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

---

**SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI KEBAWAH DULI**  
**YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV**  
**SULTAN MUHAMMAD V TAHUN 2018**

**PUTRAJAYA, 4 September 2018** - Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V Tahun 2018 adalah pada 9 September 2018 (Ahad).

Sebagaimana perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V bahawa Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan bagi Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan tidak diadakan pada Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V kali ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V berkenan berangkat mencemar duli ke acara dan majlis rasmi sempena sambutan tersebut seperti berikut:

1. **Majlis Solat Hajat, Bacaan Yasin dan Doa Selamat**

Tarikh : 6 September 2018 (Khamis)  
Masa : 7.15 malam  
Tempat : Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

2. **Khutbah Khas dan Solat Jumaat**

Tarikh : 7 September 2018 (Jumaat)  
Masa : 1.10 tengah hari  
Tempat : Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

3. **Istiadat Mengarak Panji-Panji Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**

Tarikh : 12 September 2018 (Rabu)  
Masa : 10.30 pagi  
Tempat : Dataran Pahlawan Negara, Presint 1, Putrajaya

4. **Forum Perdana Diraja**

Tarikh : 13 September 2018 (Khamis)  
Masa : 9.30 malam – siaran langsung melalui TV1, RTM  
Tempat : Istana Negara, Kuala Lumpur

Berikutan tarikh Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V adalah jatuh pada 9 September 2018 (Ahad), maka cuti gantian diberikan pada 10 September 2018 (Isnin) bagi negeri-negeri yang berkenaan (cuti mingguannya jatuh pada hari Ahad).

**-TAMAT-**



**Ketua Setiausaha Negara  
4 September 2018**